

KEBERKESANAN PELAKSANAAN SISTEM SMART DOCKET DALAM
PENGURUSAN KUTIPAN ROYALTI BAHAN BATUAN

AHMAD FITRI B AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
(Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

13 JANUARI 2020

DEDIKASI

Teristimewa buat ayahanda dan bonda yang disayangi,
Tuan Haji Ahmad Bin Haji Kabit dan
Puan Hajah Halimah Binti Yusof
Sekalung penghargaan diucapkan atas segala sokongan,
semangat dan nasihat yang dititipkan.
Tidak dilupakan kepada ahli keluarga yang dikasihi,
sahabat-sahabat yang mengenali diri ini terutamanya
sahabat sekuliah serta insan tersayang.
Terima kasih atas dorongan dan semangat yang diberikan
sepanjang tempoh pengajian ini.
Kalian semua adalah penguat semangat dan sumber inspirasi
diri ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam junjungan ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T di atas segala limpah dan kurnia serta dengan izin-Nya, penulisan ini telah berjaya disiapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Norhidayah binti Md. Yunus yang paling banyak bersabar dalam memberikan bimbingan, panduan dan galakan sepanjang penyediaan penulisan ini. Terima kasih atas suntikan semangat dan dorongan semasa mengharungi cabaran dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria selaku panel dan tidak dilupakan panel bersama Dr. Ainur Zaireen Zainuddin serta semua pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada saya dengan penuh komited, ikhlas dan sabar. Semoga segala ilmu yang dicurahkan dapat mendapat keberkatan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia atas tajaan yang diberikan kepada saya dari awal hingga tamat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga Pejabat Daerah dan tanah Klang atas kerjasama dan keperhatian yang diberikan. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam penulisan ini iaitu Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, Kumpulan Semesta Sdn Bhd. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amat dihargai sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc. LAD Pesisir Kuala Lumpur 2018-2020 serta yang mengenali diri ini, tanpa kehadiran dan semangat kalian pastinya perjalanan ini sukar untuk ditempuhi. Semoga segala jasa dan pertolongan kalian dibalas oleh Allah dengan segala kebaikan dan rahmatNya.

ABSTRAK

Royalti bahan batuan merupakan salah satu sumber hasil bagi kerajaan negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara siri ke 2/2014 telah mengfokuskan kepada kutipan royalti bahan batuan yang mencatatkan kutipan yang kurang konsisten. Oleh itu, Smart Docket telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan digunapakai oleh Pentadbir Tanah dalam menguruskan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor dengan lebih cekap. Maka kajian akademik ini dilaksanakan untuk memperlihatkan keberkesanan sistem Smart Docket yang diwujudkan oleh pihak Kerajaan negeri Selangor melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dalam memastikan pengurusan kutipan royalti bahan batuan dapat dibuat dengan lebih baik serta menangani masalah yang telah dikenalpasti untuk dijadikan rujukan kepada pihak yang berkepentingan di masa akan datang. Kajian ini dijalankan berdasarkan dua objektif utama iaitu mengkaji pelaksanaan serta keberkesanan sistem Smart Docket dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan. Kajian ini telah melibatkan Hulu Langat sebagai kawasan kajian dengan beberapa justifikasi yang telah dikenalpasti. Kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual para responden yang dipilih dengan teliti. Seramai sepuluh (10) orang telah dijadikan responden terdiri daripada beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penggunaan sistem Smart Docket tersebut. Data-data yang dianalisis secara deskriptif dipersembahkan dalam bentuk jadual dan peratusan berdasarkan maklumbalas yang diterima. Secara ringkasnya, hasil kajian kali ini telah menunjukkan pelaksanaan sistem Smart Docket di daerah Hulu Langat serta keberkesanan sistem tersebut dalam pengurusan kutipan royalti. Berdasarkan kepada penemuan yang dicapai, beberapa cadangan dikemukakan dan diharapkan kajian ini dapat memberi input yang bermanfaat kepada semua pihak dalam mewujudkan pengurusan kutipan royalti bahan batuan yang efisien.

ABSTRACT

Rock material royalty is one of the sources of revenue for the Selangor state government. The Auditor-General's report for the 2/2014 series focused on stone material royalties, which recorded inconsistencies. Therefore, Smart Docket was created by the Selangor State Government and used by the Land Administrator to better manage the collection of rock materials in the state of Selangor. This academic study was conducted to demonstrate the effectiveness of the Smart Docket system developed by the Selangor State Government through the Office of the Director of Lands and Mines Selangor (PTGS) in ensuring better management of rock material collection royalties and addressing issues identified for reference to stakeholders in the future. This study is based on two main objectives of studying the implementation and effectiveness of Smart Docket system in managing rock material collection royalty. This study has involved Hulu Langat as a study area with several justifications identified. The data collection method was implemented through the document analysis method and the respondents' interview method carefully selected. Ten (10) respondents have been identifying who are responsible for the implementation and use of the Smart Docket system. Descriptive data were presented in the form of tables and percentages based on the feedback received. In summary, the results of this study have shown the implementation of Smart Docket system in the Hulu Langat area and the effectiveness of the system in managing royalty collection. Based on the findings, several suggestions have been put forward and it is hoped that this study will provide useful inputs for all parties in establishing an efficient royalty collection of rock materials.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Matlamat Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.6.1	Pihak Berkuasa Negeri	7
1.6.2	Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah	7
1.6.3	Pihak Pengusaha	8
1.6.4	Ahli Akademik	8
1.7	Metodologi	8
1.7.1	Peringkat Satu: Kajian Awalan	10
1.7.2	Peringkat Dua: Pemilihan Kawasan Kajian	10
1.7.3	Pengumpulan Data	11
1.7.3.1	Pengumpulan Data Primer	11

1.7.3.2	Pemilihan Sampel Kajian	12
1.7.3.3	Pengumpulan Data Sekunder	14
1.7.4	Pringkat Tiga: Analisis Kajian	14
1.7.5	Pringkat Empat: Kesimpulan dan Cadangan	14
1.8	Susunatur Bab	15
1.8.1	Bab Satu	15
1.8.2	Bab Dua	15
1.8.3	Bab Tiga	15
1.8.4	Bab Empat	16
1.8.5	Bab Lima	16
BAB 2	PENGURUSAN KUTIPAN ROLYALTI BAHAN BATUAN DAN SMART DOCKET	17
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Takrifan Bahan Batuan	18
2.3	Takrifan Docket	18
2.4	Seksyen 426, Kanun Tanah Negara 1965	20
2.5	Pejabat Tanah Galian Negeri Selangor	21
2.6	Pengurusan Kutipan Royalti Bahan Batuan	22
2.6.1	Proses Permohonan Permit	23
2.6.1.1	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	27
2.6.2	Proses Pengeluaran Bahan Batuan	28
2.6.2.1	Sistem Smart Docket	31
2.6.3	Proses Pemantauan dan Penguatkuasaan	39
2.6.3.1	Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965	39
2.7	Perbezaan Pengurusan Kutipan Royalti Bahan Batuan	43
2.7.1	Negeri Perak	44
2.7.2	Negeri Pahang	46
2.8	Rumusan	47
BAB 3	KAWASAN KAJIAN	49
3.1	Pendahuluan	49
3.2	Selangor Darul Ehsan	49

3.3	Daerah Hulu Langat	50
3.4	Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat	53
3.5	Unit Pelupusan Tanah, PDTHL	54
3.6	Unit Teknikal dan Penguatkuasaan PDTHL	56
3.7	Kutipan Royalti Bahan Batuan PDTHL	57
3.8	Rumusan	57
BAB 4 ANALISIS KAJIAN		59
4.1	Pendahuluan	59
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	59
4.3	Analisis Pelaksanaan Sistem Smart Docket Dalam Pengurusan Kutipan Royalti Bahan Batuan	62
4.3.1	Pihak Yang Bertanggungjawab	62
4.3.2	Perlaksanaan Smart Docket Untuk Semua Permohonan	63
4.3.3	Matlamat Penwujudan Smart Docket	64
4.3.4	Peraturan Serta Syarat Smart Docket	64
4.3.5	Sistem Smart Docket ini memberi impak dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan	65
4.4	Analisis Keberkesanan Sistem Smart Docket dalam Pengurusan Kutipan Royalti Bahan Batuan	66
4.4.1	Penggantian Smart Docket dengan sistem Sedia ada	69
4.4.2	Perbezaan serta penambahbaikan yang terdapat dalam Sistem Smart Docket	70
4.4.3	Kesan Smart Docket terhadap kutipan royalti dan penguatkuasaan serta pengawalan	72
4.4.4	Keberkesanan Sistem Smart Docket	74
	i. Proses Permohonan Permit	75
	ii. Proses Pemindahan Bahan Batuan	76
	iii. Proses Pemantauan dan Penguatkuasaan	77
4.5	Rumusan	79
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN		81
5.1	Pendahuluan	81
5.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kajian	82
5.2.1	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Pertama	82

5.2.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kedua	84
5.3	Cadangan Kajian	85
5.4	Limitasi Kajian	86
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	88
5.6	Kesimpulan	88
RUJUKAN		91

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Senarai Responden yang akan ditemubual	13
Jadual 2.1	Jadual Kadar Bahan Batuan dan Mineral (KTN 2003)	25
Jadual 2.2	Jumlah Kutipan Royalti Bahan Batuan bagi Daerah Hulu Langat	33
Jadual 3.1	Jadual Keluasan Mukim Di Dalam Daerah Hulu Langat (Perangkaan 2018)	52
Jadual 3.2	Jadual Data Kutipan Royalti Bahan Batuan Negeri Selangor 2015-2018 (PTGS)	57
Jadual 4.1	Jadual Profil Responden	61
Jadual 4.2	Jadual Maklumbalas Responden	69
Jadual 4.3	Jadual Jumlah Aduan Kesalahan Bahan Batuan	74

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	9
Rajah 2.1	Docket Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Selangor (Muka hadapan Docket manual)	19
Rajah 2.2	Docket Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Selangor (Muka Dalam Docket manual)	20
Rajah 2.3	Proses yang terlibat dalam Pengurusan kutipan Royalti Bahan Batuan	22
Rajah 2.4	Carta Alir Proses permohonan permit bahan batuan (Pekeliling PTGS Bil 2/2015)	26
Rajah 2.5	Carta Alir Proses Pengeluaran Bahan Batuan (Manual)	31
Rajah 2.6	Carta Alir menunjukkan Smart Docket dalam Pengurusan Kutipan Royalti bahan batuan	35
Rajah 2.7	Carta Alir Proses Pengeluaran Bahan Batuan Mengguna Smart Docket	37
Rajah 2.8	Rajah Pergerakan Pengeluaran Bahan Batuan Daripada Tapak	38
Rajah 2.9	Rajah Laluan Yang Perlu Dilalui Lori Sebelum Dan Selepas Mengambil Muatan Dari Tapak Yang Diluluskan.	38
Rajah 2.10	Rajah Perbezaan Docket Dari Sistem Smart Docket Berbanding Docket Manual	42
Rajah 2.11	Rajah Penggunaan Dan Hasil QR Code Semasa Semakan Unit Penguatkuasa	42
Rajah 2.12	Rajah Semakan Melalui QR Code Secara Online	43
Rajah 2.13	Rajah e-Report (Pejabat Tanah Galian Perak)	45
Rajah 2.14	Carta Alir Perbezaan Proses Penyelesaian Aduan Melibatkan E-Report	46
Rajah 3.1	Peta Kedudukan Daerah Hulu Langat	51
Rajah 3.2	Peta Mukim Di Dalam Daerah Hulu Langat	52
Rajah 3.3	Carta Organisaai Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat	55

SENARAI SINGKATAN

KTN	-	Kanun Tanah Negara
MMKN	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MTES	-	Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PDTHL	-	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat
PTGS	-	Pejabat Tanah dan Galian Selangor
PTGNS	-	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan
JAN	-	Jabatan Audit Negara
YAB	-	Yang Amat Berhormat
YB	-	Yang Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran 1	Borang Temu Bual	95
Lampiran 2	Permit 4C	100
Lampiran 3	Permit 4B	101

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kerajaan negeri Selangor mempunyai hasil kewangan daripada pelbagai punca dan diantaranya ialah daripada kutipan royalti bahan batuan. Royalti bahan batuan yang terhasil ialah daripada beberapa aktiviti seperti perlombongan pasir, tanah merah dan lain-lain. Merujuk kepada data Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS), kutipan premium bahan batuan ialah RM 23,579,755.29 pada 2010 dan pada tahun 2018 telah mencecah RM 86,633,506.44 (Laporan Kutipan Royalti Bahan Batuan Negeri Selangor 2019). Sejak 2008, Kerajaan Negeri Selangor menerima peningkatan terhadap kutipan royalti bahan batuan. Kerajaan negeri Selangor tidak pernah meletakkan sasaran mengutip hasil perlombongan pasir sebanyak RM150 juta setahun, kata menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (Bernama, 11 Julai 2011). Hasil perlombongan merupakan antara hasil negeri Selangor bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan untuk tahun semasa negeri Darul Ehsan tersebut.

Aktiviti perlombongan di negeri Selangor melibatkan bahan batuan seperti pasir dan tanah merah yang menjadi tumpuan bagi beberapa daerah seperti hulu Langat dan Sepang. Permintaan yang tinggi terhadap bahan batuan tersebut berpunca daripada kepesatan pembangunan fizikal di sekitar negeri Selangor. Sumber bahan batuan yang diperlukan bagi memastikan pembangunan fizikal dapat dilaksanakan menjadikan aktiviti perlombongan tersebut sebagai salah satu permintaan yang tinggi. Antara pembangunan fizikal yang pesat membangun ialah pembinaan bangunan bertingkat dan struktur jalan.

Aktiviti perlombongan bahan batuan seperti pasir perlu melibatkan pemantauan yang baik bagi memastikan aktiviti tersebut dapat terus menjana hasil yang baik kepada kerajaan negeri. Pihak penguatkuasaan juga perlu dilibatkan bagi memastikan aktiviti tersebut mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak

berkuasa seperti pengalihan bahan batuan dari satu lot ke lot yang lain. Oleh yang demikian penguatkuasaan yang tegas perlu bersiap siaga dalam memantau aktiviti tersebut.

Namun, berdasarkan Laporan Jabatan Audit Negara pada siri 2/2014 mendapati ‘Pengurusan Kutipan Royalti bagi bahan batuan ini boleh ditambah baik dengan meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih efisien dan efektif’. Hasil auditan pihak Jabatan Audit Negara memberi keputusan analisa matriks yang tertinggi dimana kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor telah mencatatkan kutipan yang kurang konsisten. Secara tidak langsung, teguran audit mencerminkan bahawa proses dan sistem pemantauan terhadap yang digunakan di negeri Selangor perlu ditambah baik dengan segera kerana ianya melibatkan hasil negeri dan tindakan penguatkuasaan yang kurang menyeluruh.

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan Belanjawan Tahunan Selangor 2017 dan 2018, hampir separuh sumber kewangan bagi Negeri Selangor adalah daripada pengurusan tanah termasuk kutipan royalti bahan batuan (Buku Anggaran Belanjawan Selangor 2018). Kutipan royalti bahan batuan yang diuruskan oleh Pejabat Daerah Tanah dan Pejabat Tanah Galian Negeri Selangor berdasarkan proses dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Berikutan isu pengeluaran, pengalihan dan pengangkutan bahan batuan iaitu pasir secara haram, Y.A.B. Dato” Menteri Besar Selangor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Pembangunan Tanah bertarikh 18 Februari 2004 di Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor telah mengarahkan Pengarah Tanah dan Galian Selangor untuk mengkaji dan menyeragamkan semula proses permohonan permit pengeluaran bahan batuan melalui Borang 4B dan 4C. Permohonan permit ini akan melibatkan kutipan royalti bahan batuan seterusnya memberi impak kepada hasil dan sumber kewangan bagi negeri Selangor.

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 3/2004 bertujuan memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah dasar Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan permohonan permit bahan batuan (Borang 4B dan Borang 4C). Pekeliling ini juga memberi panduan dan menjelaskan peraturan-peraturan berkaitan yang perlu dipatuhi oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah bagi pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan pasir atas tanah kerajaan dan tanah bermilik

Namun, Laporan Audit Negara pada 2014 mendapati proses dan prosedur yang digunapakai oleh pihak yang memproses dan memantau tidak mencapai tahap yang terbaik. Laporan tersebut juga telah memperlihatkan bahawa kaedah yang digunapakai boleh mewujudkan ketirisan transaksi yang menjurus kepada kerugian Pihak Berkuasa Negeri Selangor. Walaupun proses dan prosedur telah menepati peruntukan undang-undang seperti Kanun Tanah Negara 1965, namun tatacara pemantauan terhadap hasil royalti bahan batuan yang telah diproses dan diluluskan boleh ditambahbaik. Bagi pemantauan terhadap kutipan bahan batuan ini diuruskan dengan baik, satu mekanisma yang lebih sistematik perlu diwujudkan.

Selain itu juga, isu membabitkan penjawat awam di kalangan Pentadbiran Tanah yang terlibat dalam jenayah rasuah dilaporkan di dada-dada akhbar tempatan. Berikut ialah beberapa contoh berita oleh akhbar tempatan mengenai modus operandi dalam jenayah rasuah:

- a) Rasuah kepada pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) pada 11 Disember 2010. Suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana menggunakan doket pengeluaran pasir yang tidak sah, satu kesalahan mengikut Seksyen 426(1) KTN. (Bernama Online (Dua Beranak Dituduh rasuah Pegawai Pejabat Tanah, 2011)
- b) Seorang Pembantu Am Rendah yang bertugas di Pejabat Tanah Kuala Terengganu telah dituduh atas kesalahan menerima rasuah sebanyak RM1,300 untuk menukar hak milik tanah (Sinar Harian Online : (Farah Shazwani, 2011)

- c) Tertuduh yang merupakan kakitangan kerajaan gred NT27 di Pejabat Daerah dan Tanah, Hulu Langat, didakwa meminta wang tunai RM2,000 daripada pengusaha pasir sebagai dorongan untuk tertuduh tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap kerjakerja pengeluaran pasir tanpa permit di Jalan Sungai Lui, Hulu Langat. (mStar Online: (Salwa Sha'ari, 2011)
- d) Dua termasuk seorang Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri didakwa menerima rasuah RM5,000 supaya tidak mengambil tindakan pengambilan balik tanah di Lot 2288, Mukim Sungai Udang, Melaka. (Berita Harian Online:(Dua Pegawai Tanah Melaka Didakwa Rasuah, 2012)
- e) Penolong Pegawai Tanah (NT17) di Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Galian telah menerima cek untuk menjelaskan sepenuhnya pinjaman Bank Pertanian Malaysia sebagai balasan membabitkan tanah yang dijadikan cagaran pinjaman. (Kosmo Online: (Nuzul Sham Shamsuddin, 2013)
- f) Tiga kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak termasuk dua daripadanya pegawai didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima suapan RM 2000 daripada penyelia tapak tanah supaya tidak menahan lori-lori yang membawa tanah merah keluar dari tapak bukit yang mempunyai permit sah. Sinar Harian Online: (Tuan Buqhairah, 2014)

Isu melibatkan penguatkuasaan ini amat serius dan perlu diambil tindakan yang segera bagi memastikan undang-undang dapat dilaksanakan dengan baik. Kerajaan Selangor akan menyiasat sama ada kegiatan mengorek pasir di luar muara Sungai Langat dilakukan secara sah atau sebaliknya. Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata pihaknya memandang serius berhubung isu itu (Berita Harian online 25 Ogos 2019). Isu seperti ini telah menjadi perhatian pihak pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Penemuan dan penambahbaikan yang akan ditemui dapat kajian ini di harap membantu pihak-pihak berkepentingan terutamanya Kerajaan Negeri Selangor dalam

memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi secara tidak langsung mencapai sasaran kutipan hasil yang memberansangkan kepada kerajaan negeri Selangor.

Oleh itu, pada tahun 2017, Smart Docket telah diperkenalkan bagi menangani masalah yang telah wujud dan dikenalpasti oleh pihak Kerajaan negeri Selangor. Sistem Smart Docket yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) telah digunakan oleh setiap Pejabat Daerah Tanah dalam memastikan pengurusan kutipan royalti bahan batuan dapat dibuat dengan lebih sistematik dan terkawal bagi mengelak ketirisan berlaku.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk memperlihatkan keberkesanan sistem Smart Docket yang diwujudkan oleh pihak Kerajaan negeri Selangor melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dalam memastikan pengurusan kutipan royalti bahan batuan dapat dibuat dengan lebih baik serta menangani masalah yang telah dikenalpasti untuk dijadikan rujukan kepada pihak yang berkepentingan di masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif seperti yang berikut iaitu:

- (a) Mengenalpasti pelaksanaan Sistem Smart Docket dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan.
- (b) Mengkaji keberkesanan pelaksanaan sistem Smart Docket yang digunapakai di daerah Hulu Langat.

1.5 Skop Kajian

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang telah dijalankan mengenai perundangan dan penguatkuasaan pentadbiran tanah. Ianya fokus terhadap elemen dari sudut permasalahan tindakan penguatkuasaan sedia ada yang telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan di Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Pengarah Tanah dan Galian terhadap kesalahan-kesalahan di dalam KTN. Antara kajian yang menyentuh secara langsung pemindahan bahan batuan adalah dari Rosasnizah Binti Mohamad Zain (2013) iaitu berkaitan punca kemerosotan hasil royalti bahan batu serta cadangan langkah-langkah dalam pengawalan perlombongan pasir bagi tujuan mengekalkan pendapatan dan Siti Normala Binti Salleh (2014) yang telah mengkaji pembangunan sistem pengurusan permit pengeluaran pasir di Pejabat Tanah Dan Daerah dengan menggunakan aplikasi GIS (Salleh, 2014).

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kajian-kajian yang terdahulu yang lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan, kajian kali ini akan meneliti kepada pengurusan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor. Selain itu juga, kajian ini juga akan menfokuskan kepada keberkesanan sistem Smart Docket yang melibatkan proses Permit Pemindahan bahan Batuan (4c dan 4b). Sistem tersebut melibatkan beberapa daerah di negeri Selangor melalui Pejabat Daerah Tanah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan penggunaan sistem tersebut.

Kajian ini juga akan meneliti garis panduan serta proses sedia ada yang digunakan melalui sistem Smart Docket yang diperkenalkan melibatkan pengurusan kutipan royalti bahan batuan. Ini bagi membantu memperlihatkan keberkesanan sistem yang diwujudkan dapat menangani masalah yang telah dikenalpasti dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor. Ianya juga akan memberi tumpuan sepenuhnya dalam mengkaji kekuatan dan kelemahan proses sedia ada dengan menumpukan kepada perbezaan aspek proses sedia ada antara negara-negara lain sekiranya wujud, atau negeri lain bagi permohonan permit pemindahan bahan batuan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan secara umumnya adalah untuk mengkaji keberkesanan sistem Smart Docket yang diwujudkan dalam mengatasi masalah melibatkan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor. Kajian ini dapat memberi impak yang tinggi terhadap hasil pengurusan kutipan negeri Selangor yang menjadi antara punca utama hasil tahunan. Ia juga mampu memudahkan pemantauan terhadap aktiviti yang melibatkan banyak pihak dan masa bagi sesuatu aktiviti perlombongan yang akan dijalankan. Secara terperinci, kajian yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat secara langsung terhadap pihak berikut:

1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri

Kajian Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mewujudkan kaedah yang baik bagi pengurusan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor. Melalui kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat mewujudkan satu kaedah proses yang baik agar dapat digunapakai serta dikuatkuasakan oleh pihak-pihak yang berwajib dan berkepentingan agar memberi pulangan hasil yang optimum kepada pihak kerajaan negeri Selangor.

1.6.2 Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah

Beberapa agensi kerajaan mewakili pihak berkuasa khusus kepada penggubal dan pelaksana dasar seperti Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah Daerah adalah agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti perlobongan pasir dapat dilaksanakan mengikut peraturan. Pihak ini juga selaku pembuat keputusan dalam tindakan penguatkuasaan terhadap pamatuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pengusaha perlombongan pasir. Hasil kajian yang akan dijalankan ini harap dapat membantu mempertingkatkan kompetensi anggota penguatkuasa ketika melaksanakan penguatkuasaan secara holistik dan berkesan. Penguatkuasaan yang berkesan dan proaktif dapat memastikan pengurusan kutipan

royalti bahan batuan dapat dikutip dengan maksima seterusnya mengekalkan entiti pentadbiran tanah sebagai sebuah badan urustadbir tanah yang berintegriti.

1.6.3 Pihak Pengusaha

Pemohon atau secara dasarnya sebagai pemegang permit bahan batuan adalah pihak yang secara tidak langsung berkait dengan pengurusan kutipan royalti bahan batuan. Oleh itu, hasil kajian yang akan ditemui ini diharap dapat membantu memudahkan kaedah proses permohonan dan pemantauan penguatkuasaan aktiviti yang dipohon bagi memastikan segala bentuk peraturan dipatuhi selaras dengan sasaran kutipan yang dibuat.


1.6.4 Ahli Akademik

Kajian akademik yang dilaksanakan ini diharapkan dapat menghasilkan sesuatu hasil kajian yang dapat membantu pihak akademik untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan pelaksanaan Smart Docket serta keberkesanannya terhadap pengurusan kutipan royalti bahan batuan. Secara tidak langsung, diharap kajian ini dapat menjadi salah satu sumber bahan ilmiah khususnya kepada pelajar Kursus Pentadbiran dan Pembangunan Tanah.

1.7 Metodologi

Metodologi kajian penyelidikan yang tepat adalah penting dalam menerangkan kaedah serta prosedur untuk mencapai matlamat penyelidikan yang telah ditetapkan. Metodologi kajian penyelidikan juga dapat membantu memahami dengan lebih jelas dan terperinci berkenaan kaedah yang akan digunakan dalam mencapai sasaran objektif yang ditetapkan. Pengkaji menyenaraikan langkah-langkah dalam sesuatu penyelidikan iaitu menimbulkan persoalan isu, mengumpul data berkenaan persoalan

isu dan jawapan yang dirangka bagi persoalan isu. Dalam kajian ini terdapat dua jenis data yang akan dikumpul dan diperolehi bagi mencapai objektif dan matlamat kajian iaitu data primer dan data sekunder. Objektif kajian penyelidikan kali ini ialah mengenalpasti pelaksanaan sistem Smart Docket serta keberkesanan sistem Smart Docket dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan. Rajah 1.1 menerangkan beberapa kaedah dan metodologi untuk mendapatkan hasil kajian.



Rajah 1.1 Carta Alir Metodologi Kajian Sumber : Olahan Penulis

1.7.1 Peringkat Satu: Kajian Awalan

Peringkat kajian awalan adalah proses pemilihan tajuk penulisan melalui semakan isu-isu yang mungkin ada berbangkit yang boleh di buat kajian. Selain itu juga, pemahaman awal berkenaan metodologi kajian telah di buat ketika sesi perjumpaan di antara pengkaji dengan penyelia projek diadakan. Penemuan bersama penyelia juga dapat menyelaraskan hala tuju kajian penulisan ini.

Pada peringkat awal kajian juga, Pemilihan kajian dilakukan secara kualitatif dengan disokong oleh maklumat-maklumat yang munasabah seperti penemuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara ketika pengumpulan data dibuat secara terus melalui dokumentasi dan maklumat-maklumat yang lain yang berkaitan dengan pengurusan kutipan royalti bahan batuan di negeri Selangor. Prosedur bagi proses permohonan dan kaedah pematauan sedia ada yang digunapakai telah diteliti oleh pengkaji di peringkat kajian awalan ini bagi mendapatkan gambaran lebih jelas proses yang terlibat dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan ini. Peringkat ini juga dilaksanakan dengan merujuk bahan-bahan daripada kajian-kajian terdahulu, jurnal, keratan akhbar dan juga bahan bacaan dari internet mengenai perkara yang berkaitan serta permasalahan yang dihadapi. Pernyataan masalah dikenalpasti setelah kajian awal dilaksanakan bagi membentuk objektif-objektif, skop serta kepentingan kajian.

1.7.2 Peringkat Dua: Pemilihan Kawasan Kajian

Pengkaji telah memilih Hulu Langat sebagai kawasan kajian. Justifikasi kepada pemilihan kawasan kajian ini adalah kerana Hulu Langat merupakan daerah yang telah dibuat pengauditan oleh pihak Jabatan Audit Negara dan hasil dapatan telah menjurus kepada pengwujudan sistem Smart Docket bagi menyelesaikan isu ketirisan kutipan royalti bahan batuan di Hulu Langat amnya. Justeru itu, Daerah Hulu Langat telah ditetapkan sebagai pemilihan kawasan kajian bagi memudahkan pengumpulan data dan maklumat dapat dilakukan terhadap hubungkait kajian pengurusan kutipan royalti bahan batuan.

1.7.3 Pengumpulan Data

Melalui objektif yang dirancang, pengkaji telah mengenalpasti kaedah pengumpulan data yang akan digunakan. Dalam penyelidikan kajian ini, dua sumber data dikenal pasti iaitu data primer dan data sekunder. Bagi objektif kajian pertama yang telah dinyatakan, pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder memandangkan ianya melibatkan proses dan prosedur sedia ada serta pelaksanaan sistem tersebut. Manakala bagi mencapai objektif yang kedua, pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder juga. Data primer digunakan dalam objektif kedua bagi menemui keberkesanan Sistem Smart Docket yang telah digunakan selain data sekunder seperti laporan prestasi kutipan royalti.

1.7.3.1 Pengumpulan Data Primer

Pengumpulan data primer dilakukan untuk memenuhi tuntutan objektif kedua kajian iaitu memperlihatkan keberkesanan sistem Smart Docket dalam pengurusan kutipan royalti bahan batuan di daerah Hulu Langat. Pengumpulan data primer akan dijelaskan terperinci seperti berikut:

(a) **Kaedah temu bual**

Penyelidikan kajian ini melibatkan beberapa pihak yang secara tidak langsung terlibat dalam mengubal prosidur atau melaksanakan kutipan royalti bahan batuan. Oleh itu, pengkaji mengelaskan pihak-pihak tersebut secara kumpulan fokus bagi mendapatkan data yang seimbang. Kaedah temu bual yang dibuat akan melibatkan soalan-soalan bagi menjawab persoalan yang menjurus kepada pencapaian obojektif kajian yang telah ditetapkan. Temu bual yang dilaksanakan adalah secara teknik temubual bersemuka dengan responden yang telah dipilih. Kaedah temubual semi struktur digunakan bagi membolehkan temubual responden dijalankan secara formal berpandukan kepada soalan-soalan temubual yang telah disusun sebelum sesi temu bual dijalankan dan penjelasan dapat dinyatakan oleh responden mengikut

keperluan dan boleh diselaraskan dengan keupayaan sampel yang dipilih dalam mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian.

Ciri-ciri dari wawancara semi struktur adalah yang dirangka perlu mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (a) Pengkaji (penemubual) dan responden terlibat dalam satu temu bual rasmi.
- (b) Penemubual membangunkan dan menggunakan 'panduan untuk temuduga.' Perkara ini merangkumi senarai soalan dan topik yang perlu dibincangkan semasa proses temubual dan mengikut urutan.
- (c) Penemubual mengikut panduan, walau bagaimanapun dapat mengikuti trajektori topikal dalam perbualan yang mungkin tersesat dari panduan apabila dia merasa ini sesuai.

1.7.3.2 Pemilihan Sampel Kajian

Pengkaji memilih temubual secara semi struktur sebagai kaedah untuk mendapatkan pendapat ataupun pandangan. Temubual yang dibuat akan memilih responden dari kalangan penggubal dan pelaksana dasar yang berkaitan dengan subjek yang dikaji serta mengambil kira pandangan pihak yang menjalankan sendiri melibatkan bahan batuan tersebut. Mereka telah dikenal pasti adalah seperti dari jabatan yang telah disenaraikan di Jadual 1.1.

Bil	Kod	Jawatan	Jabatan
1.	R1	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah	PTGS
2.	R2	Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah	
3.	R3	Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal	
4.	R4	Penolong Pegawai Tanah Bahagian Pembangunan dan Kemajuan Tanah	
5.	R5	Penolong Pegawai Daerah Unit Pelupusan Tanah	PDTHL
6.	R6	Penolong Pegawai Daerah Unit Teknikal dan Penguatkuasaan	
7.	R7	Penolong Pegawai Tanah Unit Pelupusan tanah	
8.	R8	Pembantu Penguatkuasa Unit Teknikal dan Penguatkuasaan	
9.	R9	Pengurus Teknikal Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10.	R10	Pengusaha	Syarikat Kajang Rock Quarry Sdn Bhd

Jadual 1.1: Senarai Responden yang akan ditemubual

1.7.3.3 Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mencapai objektif pertama, data sekunder diperlukan melalui rujukan dan penulisan terhadap bahan-bahan terbitan. Pengkaji akan merujuk proses dan prosidur sedia ada bagi pengurusan kutipan royalti bahan batuan dan tambahan kepada kaedah penguatkuasaan dalam memantau aktiviti tersebut. Ini bagi membantu juga dalam proses mencapai objektif yang kedua apabila pengkaji akan mencari penambahbaikan terhadap proses dan kaedah pemantau aktiviti tersebut dengan membuat perbandingan. Data yang diperolehi adalah melalui rujukan kepada bahan penulisan berkaitan dengan skop kajian seperti jurnal, akta, kajian-kajian terdahulu dan garis panduan sedia ada. Pengumpulan data dibuat melalui penelitian maklumat-maklumat berkaitan dengan pengurusan kutipan royalti bahan batuan termasuk dari segi perundangan, dasar-dasar yang diamalkan, kaedah pemantauan serta pengenalan kadar bayaran sekiranya ada..

1.7.4 Pringkat Tiga: Analisis Kajian

Apabila setiap data-data yang telah dikumpulkan melalui data primer dan data sekunder, pengkaji akan cuba menganalisisnya bagi mencapai objektif kajian. Prosidur dan garis panduan sedia ada berkenaan pengurusan kutipan royalti bahan batuan akan dianalisa dan dibandingkan serta masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dapat dikenalpasti. Pada peringkat akhir kajian ini, pengkaji berharap akan dapat menghasilkan satu rumusan bagi menjawab permasalahan yang timbul serta cadangan penambahbaikan terhadap permasalahan yang timbul.

1.7.5 Peringkat Empat: Kesimpulan dan Cadangan

Pada akhir kajian akademik ini, pengkaji akan membuat kesimpulan dan menyediakan beberapa cadangan serta merumuskan semua dapatan yang diperolehi hasil daripada analisi yang akan dibuat. Cadangan penambahbaikan yang bakal dikenalpasti diharap akan menjadi manfaat kepada pihak yang berkepentingan terutamanya pada Kerajaan negeri Selangor.

1.8 Susunatur Bab

Kajian penulisan ini akan melibatkan lima bab, di mana setiap bab mempunyai kaitan dan kesinambungannya secara tersusun dan teratur. Berikut adalah pecahan peringkat kajian yang akan dijalankan:

1.8.1 Bab Satu

Bab Satu mengandungi pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, serta menyenaraikan susunatur bab.

1.8.2 Bab Dua

Bab Dua akan membincangkan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpul data dan maklumat yang diperlukan untuk dianalisis bagi mencapai objektif yang ditetapkan di peringkat awal kajian. Teknik pengumpulan data dan maklumat adalah bersumberkan kepada data primer dan data sekunder. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dengan beberapa responden yang telah dikenalpasti.

1.8.3 Bab Tiga

Peringkat ini akan menerangkan kawasan kajian yang telah dipilih berdasarkan justifikasi yang telah dikenalpasti. Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat akan diterangkan melalui bab ini termasuk struktur organisasi, peranan dan fungsi Pejabat terutamanya Unit Pelupusan serta Unit Teknikal dan Penguatkuasaan.

RUJUKAN

- Manual Kumpulan Inovatif dan Kreatif (2019), Pejabat Tanah Galian Selangor
- Amir Fadli bin Mohamed halmi (2019). *Penjenamaan Semula Penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan Melalui Inisiatif Penguatkuasaan Berasaskan Inovasi*
- Buku Anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2018, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan*
- Buku Anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2017, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan*
- Azwita Usman (2010) *Kajian Kualitatif, Kuantitatif dan Gabungan*.
deitaz.blogspot.my/2010/08/kajian-kualitatif-kuantitatif-dan.html
- Buku Hasil Kerajaan Persekutuan 2017 (2017), Kementerian Kewangan.
- Chua Yan Piaw (2014). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, McGraw-Hill Education (Asia)
- Glenn Morton. (1996). *Mining and Religion in Ancient Man . Journal of Anthropological Research*
- Laporan Ketua Audit Negara 2014 (2014)
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 2
- Laporan Ketua Audit Negara 2014 (2014)
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 2

Minit Bebas Pengarah Tanah Galian Selangor kepada YB Dato. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Keberkesanan Pembangunan Sistem Smart Docket Bagi Pemantauan Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Selangor (2018)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.1/2015 (2015)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.2/2015 (2015)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.1/2016 (2016)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.2/2016 (2016)

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.2/2017 (2017)

Minit Mesyuarat Sesi Dialog Antara Yb. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bersama Persatuan Kuari Malaysia Cawangan Selangor / Kuala Lumpur (2018)

Minit Mesyuarat Pengarah Dan Galian Selangor Bersama Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor Bilangan 2/2015

Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan, Seminar Kerajaan Digital Untuk Agensi-Agensi Persekutuan Di Negeri Sarawak 28 September 2017(2017)

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 1997 (1997)
Larangan Mengeksport Pasir Ke Luar Negara

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 3 Tahun 2000 (2000)
Enekmen Mineral Selangor 2000

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 3 Tahun 2004 (2004)
*Dasar Pihak Berkuasa Negeri Berhubung Syarat Dan Prosedur Permohonan Permit
Bahan Batuan (Borang 4b Dan 4c) Bagi Pasir Di Atas Tanah Kerajaan Dan
Tanah Hakmilik*

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 13 Tahun 2010 (2010)
Pengenaan Kadar Baru Bagi Royalti Bahan Batuan (Kuari) Di negeri Selangor

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 2 Tahun 2015 (2015)
*Garis Panduan Pengeluaran Permit Bahan Batuan Bagi Tujuan Perlombongan Pasir
Di Negeri Selangor*

*Salleh Buang (2001) Malaysian Torrens System, Fourth Impression, Dewan Bahasa
Dan Pustaka.*